**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijepec.com**PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR MULTISENSORI
DALAM MENYOKONG KEMAHIRAN MENGENAL DAN
MENULIS HURUF***UTILIZING MULTISENSORY TEACHING AIDS TO FOSTER LETTER
RECOGNITION AND WRITING ACQUISITION*

Kamariah Abu Bakar^{1*}, Intan Nur Ain Isewan², Norhashimah Hassan³, Nabihah Safuraa Zakaria⁴,
Nur Izzatussyahirah Mohtar⁵, Intan Noorihan Md Rasip⁶ & Nur Ain Farhana Azman⁷

¹ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: kamariah_abubakar@ukm.edu.my

² Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: intan@ukm.edu.my

³ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: shima89@ukm.edu.my

⁴ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nabihahsafuraa@ukm.edu.my

⁵ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nursyra6@ukm.edu.my

⁶ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: intannoorihan78@ukm.edu.my

⁷ Tadika Tunas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nurainfarhan17@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.09.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 11.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Abu Bakar, K., Isewan, I, N, A, M
Hassan, N., Zakaria, N. S., Mohtar, N.

Abstract:

Kemahiran mengenal huruf adalah antara kemahiran literasi awal yang paling asas dan penting dalam memastikan keupayaan murid seterusnya untuk membaca dan menulis. Hakikatnya, ramai murid prasekolah mempunyai masalah dalam mengenal huruf sehingga menjejaskan kelancaran untuk membaca. Kesukaran membezakan huruf 'b' dan 'd' adalah disebabkan huruf-huruf ini mempunyai bentuk visual dan orientasi yang sama. Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan *Happy Learning* yang berasaskan pendekatan multisensori bagi membantu murid mengenal dan menulis huruf 'b' dan 'd' dengan betul. Bahan bantu mengajar ini menggabungkan empat deria; penglihatan, pendengaran, pergerakan dan sentuhan yang mengandungi (i)

I., Rasip, I. N. M., & Azman, N. A. F. (2025). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Multisensori dalam Mengenal dan Menulis Huruf. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 139-148.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Video Lagu Huruf, (ii) Kad Huruf Sensori, (iii) Kad *Road Letter* dan (iv) Kad Menulis. Peserta kajian terdiri daripada murid prasekolah berusia enam tahun, murid pemulihan khas, dan murid berkeperluan pendidikan khas. Data diperolehi daripada ujian pra dan ujian pos, pemerhatian dan temubual. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam ketepatan murid mengenal dan membezakan huruf 'b' dan 'd'. Selain itu, ia berjaya meningkatkan daya tumpuan, motivasi belajar, dan keyakinan diri murid dalam proses literasi awal. Bahan bantu mengajar multisensori yang digunakan dalam kajian ini bukan sahaja sesuai untuk pembelajaran murid tipikal tetapi juga relevan untuk tujuan pemulihan dan murid pendidikan khas, seterusnya menyumbang kepada pembinaan asas literasi yang kukuh dari peringkat awal.

Kata kunci:

Bahan Bantu Mengajar, Pendekatan Multisensori, Literasi Awal, Mengecam Huruf, Mengenal Huruf, Huruf B dan D, Prasekolah

Abstract:

Letter recognition is one of the most fundamental and critical early literacy skills, essential for ensuring students' subsequent capacity for reading and writing. In reality, many preschool students struggle with letter recognition, which consequently impedes their reading fluency. The difficulty in distinguishing between the letters 'b' and 'd' is often due to their similar visual form and orientation. This study aims to explore the use of "Happy Learning," a tool based on a multisensory approach, to help students correctly identify and write the letters 'b' and 'd'. This teaching aid integrates four senses; sight, hearing, movement, and touch through the use of (i) Letter Song Videos, (ii) Sensory Letter Cards, (iii) Road Letter Cards, and (iv) Writing Cards. The study participants consisted of six-year-old preschool students, students in special remedial programs, and students with special educational needs. Data were collected through pre-tests and post-tests, observations, and interviews. The findings indicate a significant improvement in the students' accuracy in recognizing and distinguishing between the letters 'b' and 'd'. Furthermore, the approach successfully enhanced students' concentration, learning motivation, and self-confidence within the early literacy process. The multisensory teaching aids employed in this study are not only suitable for typical learners but are also relevant for remedial and special education purposes, thereby contributing to the establishment of a strong literacy foundation from an early stage.

Keywords:

Teaching Aids, Multisensory Approach, Early Literacy, Letter Discrimination, Letter Recognition, Letters B and D, Preschool

Pengenalan

Kemahiran mengenal huruf merupakan asas utama dalam literasi awal yang menjadi penentu kepada penguasaan membaca dan menulis. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mencatatkan kemahiran literasi yang perlu dikuasai murid prasekolah termasuk mengenal pasti, menyebut, dan menulis huruf dengan betul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Namun, penguasaan kemahiran asas ini merupakan satu cabaran besar dalam pedagogi pendidikan awal kanak-kanak. Ramai murid prasekolah berdepan dengan kekeliruan bagi huruf yang hampir sama bentuk (Adhe, Suprpto, & Ling, 2024) seperti huruf 'b' dan 'd' (Rosner & Rosner, 1990; Abdul Rasid, 2021). Kekeliruan ini memberi kesan kepada

penguasaan kemahiran lain termasuk semasa membunyikan serta menulis huruf-huruf tersebut; seterusnya menjejaskan perkembangan literasi awal kanak-kanak (Manaf & Bakar, 2022). Masalah ini perlu ditangani dari peringkat awal agar murid tidak ketinggalan dalam penguasaan literasi dan dapat mencapai tahap pembacaan yang baik pada peringkat pembelajaran seterusnya (Snow, Burns & Griffin, 1998).

Jean Piaget, menekankan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran oleh individu secara semulajadi; dengan rangsangan yang efektif dari persekitaran. Teori kognitif Piaget menjelaskan bagaimana murid boleh mempelajari sesuatu melalui penglibatan dan penerokaan aktif persekitaran mereka (Piaget, 1952). Justeru, bagi memastikan sokongan pembelajaran yang berkesan, bahan bantu mengajar yang mengintegrasikan pelbagai sensori (Zajda, 2021) digunakan sebagai medium untuk murid meneroka dan mempelajari kemahiran mengecam dan seterusnya menulis huruf.

Komalasari, Sukartiningsih, Hendratno, Suryanti, & Adi (2025) menekankan penggunaan kaedah multisensori kerana ia membolehkan penglibatan murid dalam aktiviti kinestetik; seterusnya membantu kanak-kanak khususnya yang menghadapi kesukaran dengan kaedah tradisional. Scanlon dan Vellutino (2021) menegaskan hubungan kualiti dan kuantiti masa pengajaran serta keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam bilik darjah dengan kejayaan literasi awal. Kajian mereka mendapati ketiadaan peruntukan aktiviti dan masa yang khusus kepada aktiviti literasi menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam kemahiran literasi. Selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21, guru bertanggungjawab mengaplikasikan pendekatan yang menyeronokkan, kreatif serta menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang menggabungkan pelbagai sensori bagi membantu murid mengatasi kekeliruan huruf (Charles & Ying Leh, 2020).

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan meneroka penggunaan bahan bantu mengajar multi sensori yang dinamakan 'Happy Learning 'b' & 'd' dalam pembelajaran literasi asas. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

1. Meneroka sejauhmana bahan bantu mengajar multisensori dapat membantu murid meningkatkan kemahiran mengecam dan mengenal huruf 'b' dan 'd'
2. Meneroka bagaimana penggunaan bahan bantu mengajar multisensori mempengaruhi tingkah laku murid dalam pembelajaran literasi awal

Pernyataan Masalah

Kemahiran literasi awal, khususnya melibatkan kemahiran mengenal huruf, merupakan asas yang kritikal kepada keupayaan murid untuk membaca dan menulis dengan lancar pada peringkat pendidikan seterusnya (Susanto, 2016; Novita, 2021). Namun, kajian mendapati ramai murid prasekolah mengalami masalah yang signifikan dalam penguasaan kemahiran ini. Kesukaran untuk mengenal pasti dan membezakan bentuk huruf tertentu, seperti huruf 'b' dan 'd', adalah antara masalah yang paling lazim dilaporkan oleh guru (Fischer & Luxembourger, 2022). Kekeliruan ini adalah disebabkan persamaan dari segi bentuk visual dan orientasi kedua-dua huruf tersebut, yang merupakan huruf cerminan. Kegagalan menguasai kemahiran asas ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran membaca tetapi juga memberi kesan negatif terhadap keyakinan diri dan motivasi belajar murid. Masalah ini menjadi lebih kompleks dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan kaedah pengajaran yang kurang efektif,

yang tidak mengambil kira gaya pembelajaran dan keperluan berbeza dalam kalangan murid. Kajian lepas melaporkan kecenderungan guru dalam menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang merangkumi pengajaran secara terus oleh guru, melibatkan pelajar duduk setempat dan hanya mendengar dan memerhati (Hadžimehmedagić & Akbarov, 2014) yang memberi kesan kepada pembelajaran dan pencapaian mereka (Raja, 2018). Kaedah pengajaran konvensional yang terlalu berpusat kepada guru didapati kurang berkesan untuk menangani isu kekeliruan huruf yang memerlukan pendekatan yang lebih interaktif.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka pendekatan pedagogi yang inovatif dan berkesan bagi menangani masalah mengecam huruf. Kajian ini dijalankan bagi meneroka keberkesanan kaedah multisensori melalui inovasi bahan bantu mengajar '*Happy Learning*' untuk membantu murid prasekolah, termasuk murid pemulihan khas dan murid berkeperluan khas, dalam mengatasi masalah mengenal dan menulis huruf 'b' dan 'd' dengan betul.

Kajian Literatur

Kemahiran mengenal huruf merupakan penentu kepada kemahiran membaca dan menulis pada peringkat awal kanak-kanak (Shanahan & Lonigan, 2010). Penguasaan yang kukuh terhadap nama dan bunyi serta bentuk huruf adalah penting bagi memacu kepada kelancaran membaca (Jones, Clark, & Reutzel, 2013). Tanpa asas ini, murid boleh tercicir dan menghadapi kesukaran dalam peringkat akademik seterusnya. Kekeliruan antara huruf 'b' dan 'd' adalah antara fenomena biasa yang ditemui dalam kalangan kanak-kanak di peringkat awal pembinaan kemahiran literasi (Richmond & Taylor, 2014). Kedua-dua huruf ini adalah simetri antara satu sama lain dan hanya berbeza dari segi orientasi; menyebabkan kanak-kanak seringkali sukar mengenalinya dengan betul (Treiman & Kessler, 2011). Kesilapan membezakan huruf ini dilakukan secara konsisten oleh murid (Jones et al, 2013). Kegagalan mengatasi isu ini pada peringkat awal menyebabkan murid akan terus keciciran dalam menguasai kemahiran literasi dan bahasa.

Pendekatan multisensori telah dicadangkan sebagai penyelesaian yang berkesan untuk mengajar kemahiran fonik dan mengenal huruf. Kaedah ini menggunakan gabungan pelbagai deria (penglihatan, pendengaran, sentuhan, dan kinestetik) untuk memperkukuh ingatan dan kefahaman (Shaywitz & Shaywitz, 2020). Tambahan pula, gabungan pelbagai deria ini berkesan dalam memenuhi keperluan tahap dan keperluan pelajar yang berbeza (Almahrag, 2021); termasuk murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas (Maliki & Yasin, 2017).

Berdasarkan tinjauan literatur, adalah jelas bahawa terdapat keperluan untuk intervensi yang khusus menangani isu huruf cerminan seperti 'b' dan 'd'. Inovasi '*Happy Learning*' yang dicadangkan selari dengan dapatan kajian lepas yang menyokong pendekatan multisensori. Reka bentuknya yang merangkumi komponen visual (video), auditori (lagu), taktil (kad sensori), dan kinestetik ('*Road Letter*') menyediakan pengalaman pembelajaran yang holistik dan mendalam, seterusnya berpotensi untuk mengatasi kelemahan kaedah pengajaran tradisional.

Kajian Lepas

Bahan bantu mengajar multi sensori digunakan oleh ramai pengkaji kerana ianya didapati berkesan dalam menyokong pelbagai aspek kemahiran murid. Pendekatan multi sensori yang diintegrasikan dalam aktiviti di bilik darjah terbukti membantu murid mempelajari bahasa dan literasi dengan lebih baik (Veronen, 2021; Rostan, Ismail, & Jaafar, 2021), bahkan turut

merangkumi kemahiran lain seperti mempelajari konsep Matematik (Bakar & Samsudin, 2021). Pengkaji yang menggunakan pendekatan multisensori ini mendapati murid dapat menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf, membaca dan mengeja perkataan dengan baik (Schlesinger, & Gray, 2017).

Bukan sahaja ianya bermanfaat kepada murid tipikal, malah intervensi yang dirancang dengan menggunakan pendekatan multi sensori berupaya meningkatkan keupayaan murid keperluan pendidikan khas dalam literasi (Obaid, 2013; Nordin, Ismail, Yusuf, Abu Bakar, & Abbas, 2024). Murid disleksia turut mendapat manfaat daripada pengintegrasian pendekatan multisensori terhadap kemahiran membaca mereka (Ngong, 2019; Almahrag, 2021). Pengkaji lain turut melaporkan peningkatan bilangan huruf yang berjaya dikenalpasti oleh murid hasil pelaksanaan aktiviti multisensori berbanding sebelum pengintegrasian pendekatan multisensori dijalankan (Maliki & Yasin, 2017). Almahrag (2021) turut menyokong penggunaan pendekatan multisensori kepada murid keperluan pendidikan khas termasuk mereka yang mempunyai masalah pembelajaran kerana ianya menyokong penguasaan kemahiran bahasa murid. Apabila murid memerhatikan bentuk visual huruf, menyebutnya dan kemudian meniru bentuk untuk menulisnya secara serentak, ia memperkukuh ingatan (secara visual) dan membantu menguasai kemahiran mengecam dan menulis sekaligus (Almahrag, 2021). Kejayaan-kejayaan tersebut membuktikan keberkesanan penggunaan pendekatan multisensori dalam meningkatkan kemahiran murid kerana mereka berupaya memaksimumkan penggunaan pelbagai deria untuk belajar.

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kesesuaiannya dalam meneroka penggunaan bahan bantu mengajar multi sensori dalam kemahiran literasi awal. Reka bentuk kajian kes dipilih untuk kajian ini. Kajian kes membolehkan laporan intensif dihasilkan bagi sesuatu kes yang menjelaskan sesuatu fenomena, peristiwa, identiti individu dan aktiviti. (Yin, 2009). Justeru, kajian kes dipilih bagi membolehkan pengkaji meneroka penggunaan bahan bantu mengajar multi sensori dalam pengajaran dan pembelajaran literasi awal khususnya untuk mengecam, menyebut dan menulis huruf 'b' dan 'd' dengan betul. Secara khususnya, kajian kes ini membolehkan pengkaji membina gambaran yang menyeluruh tentang kemahiran murid mengecam, mengenal dan menulis huruf berdasarkan maklumat yang diperolehi dari peserta kajian dalam persekitaran kelas yang semulajadi (Creswell, 1998).

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di sebuah tadika di Bangi dan memakan masa dua minggu. Peserta kajian terdiri daripada 20 orang; yang terdiri daripada murid prasekolah, murid pemulihan dan murid keperluan pendidikan khas yang dikenalpasti menghadapi kekeliruan dalam mengecam serta membezakan huruf 'b' dan 'd' dengan tepat. Kit *Happy Learning* yang merupakan bahan bantu mengajar yang mengandungi bahan pengajaran dan aktiviti pembelajaran bagi kemahiran mengecam dan mengenal huruf 'b' dan 'd' diperkenalkan dalam kajian ini. Kit ini menggunakan pendekatan multisensori yang menggabungkan aktiviti visual, auditori, kinestetik dan sentuhan. Ianya mengandungi empat komponen iaitu i) Video Lagu Huruf, ii) kad Huruf Sensori, iii) Kad *Road Letter* dan iv) Kad Menulis. Sebagai permulaan, guru menayangkan Video Lagu Huruf berulang kali bagi memperkenalkan murid kepada huruf 'b' dan 'd' menggunakan lirik yang mudah. Kemudian guru mendemonstrasikan cara membentuk huruf-huruf tersebut dan diikuti oleh murid dengan bantuan kad Huruf Sensori. Bagi memperkukuhkan kemahiran mengecam dan membentuk huruf tersebut, murid diajar


membentuk huruf pada kad *Road Letter*. Murid perlu menggerakkan kereta mini mengikut laluan huruf berdasarkan laluan panduan nombor dan anak panah. Seterusnya murid menulis huruf di atas Kad Menulis yang mempunyai empat barisan bagi memudahkan pembentukan dan penulisan huruf dengan betul. Setelah selesai menulis huruf, murid akan menyebut huruf tersebut.

Data dikumpul melalui ujian pra dan ujian pos, pemerhatian dan temubual dengan guru. Lembaran kerja untuk menilai keupayaan murid mengenal dan menulis huruf 'b' dan 'd' dengan tepat diberikan kepada murid sebelum kit *Happy Learning* diperkenalkan. Setelah menyelesaikan aktiviti-aktiviti dalam kit tersebut, ujian pos diberikan mengandungi soalan yang sama yang diberikan semasa ujian pra. Perbandingan dibuat antara kedua-dua ujian ini untuk menilai samada terdapat sebarang perubahan dalam kemahiran murid mengecam dan menuis huruf 'b' dan 'd'. Pemerhatian dijalankan bagi mengenalpasti keupayaan murid semasa mengenal dan menulis huruf-huruf tersebut; di samping tingkah laku mereka. Temubual dengan guru dilaksanakan bagi menyokong data pemerhatian khususnya berhubung perubahan tingkah laku murid dan kelebihan (atau kelemahan -jika ada) bahan bantu mengajar yang digunakan.

Kepelbagaian kaedah pengumpulan data dalam kajian kualitatif ini membolehkan pengkaji memperolehi gambaran yang jelas (Ghazali & Sufean, 2016) tentang penggunaan bahan bantu mengajar multisensori dalam menyokong kemahiran mengenal dan menulis huruf.

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis perbandingan antara skor ujian pra dan ujian pos menunjukkan terdapat peningkatan yang ketara dalam ketepatan murid mengenal pasti huruf 'b' dan 'd' (Rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Peningkatan Skor bagi Penguasaan Huruf 'b' dan 'd'

Majoriti murid menunjukkan skor yang rendah dalam membezakan kedua-dua huruf sebelum intervensi dijalankan. Namun, selepas mengikuti aktiviti-aktiviti dalam kit '*Happy Learning*', skor ujian pos bagi kedua-dua huruf menunjukkan peningkatan yang signifikan. Ini membuktikan bahawa intervensi yang dijalankan berjaya meningkatkan keupayaan murid untuk mengecam dan membezakan antara huruf 'b' dan 'd'.

Peningkatan dalam skor ujian pos adalah selari dengan dapatan kajian lepas yang menyatakan bahawa gabungan pelbagai deria dapat mengukuhkan memori dan pemahaman kanak-kanak terhadap bentuk dan bunyi huruf (Shaywitz & Shaywitz, 2020). Aktiviti yang melibatkan sentuhan dan pergerakan (kinestetik) membantu membentuk memori seterusnya membolehkan murid mengingat dengan baik bentuk huruf yang sukar dibezakan ini (Jones et al., 2013).

Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa murid bukan sahaja berjaya mengenal huruf, tetapi turut menunjukkan kemahiran lain. Murid didapati lebih yakin dalam menyebut bunyi huruf dan menulis huruf 'b' dan 'd'. Dapatan ini selari dengan kajian (Maliki & Yassin, 2017) yang menekankan kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar multisensori kerana ia dapat menyokong pengecaman huruf oleh murid dengan lebih baik. Video Lagu Huruf yang mengintegrasikan elemen muzik dan pergerakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran menjadikan pembelajaran lebih mudah diingati di samping menyeronokkan. Adanya elemen pengulangan yang dilakukan melalui tayangan video (Bakar & Samsudin, 2021) berupaya mengukuhkan pengecaman dan ingatan murid terhadap bentuk 'b' dan 'd'. Penggunaan Kad Menulis dan Kad *Road Letter* turut memberi kesan positif terhadap kemahiran motor halus murid; di samping elemen menghiburkan apabila mereka bermain sambil belajar semasa menggerakkan kereta mainan di atas kad. Pergerakan tangan mereka menjadi lebih stabil dan terkawal ketika menulis huruf. Kesan positif terhadap kemahiran motor halus murid juga merupakan satu dapatan yang penting. Ini membuktikan bahawa reka bentuk aktiviti dalam '*Happy Learning*' tidak hanya mempengaruhi perkembangan dan kemahiran kognitif (mengenal huruf) tetapi juga menyokong perkembangan fizikal murid, yang merupakan komponen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Hasil temu bual bersama guru prasekolah yang melaksanakan aktiviti ini mendapati bahawa penggunaan Kit '*Happy Learning*' sangat membantu murid membezakan huruf 'b' dan 'd' dengan betul. Murid menunjukkan tumpuan yang lebih tinggi semasa melakukan aktiviti serta lebih yakin. Kaedah ini dianggap mudah dan mesra untuk dipelajari oleh murid, seterusnya meningkatkan penglibatan mereka secara aktif dalam proses pembelajaran serta menjadikan mereka bermotivasi untuk belajar. Manakala guru Pendidikan Khas yang ditemubual memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang keberkesanan kaedah ini untuk murid berkeperluan khas. Beliau turut bersetuju bahawa murid MBPK lebih mudah membezakan huruf 'b' dan 'd' melalui rangsangan sentuhan (taktil) dan visual yang disediakan oleh Kad Huruf Sensori dan Kad *Road Letter*. Murid MBPK didapati dapat mengekalkan fokus dan bermotivasi dalam pembelajaran, yang seringkali mencabar untuk dikekalkan. Beliau menekankan aspek praktikaliti kit ini yang mana ianya boleh digunakan berulang kali, menjadikannya sumber yang mampan dan mudah digunakan oleh guru dalam bilik darjah.

Maklum balas positif daripada guru prasekolah dan guru pendidikan khas memperkukuh lagi keberkesanan inovasi ini dari sudut pandangan pengamal. Penekanan mereka terhadap aspek fokus, motivasi, dan praktikaliti bahan menunjukkan bahawa '*Happy Learning*' bukan sahaja berkesan untuk murid tetapi juga mesra guru. Ini adalah faktor penentu utama untuk kelestarian dan penerimaan sesuatu bahan bantu mengajar dalam amalan pedagogi seharian. Manfaat kit ini dalam konteks Pendidikan Khas membuka ruang yang lebih luas untuk aplikasinya. Dapatan ini menyokong pendirian inklusif bahawa kaedah pengajaran yang baik untuk murid tipikal turut boleh diperluaskan dan merupakan kaedah yang terbaik untuk murid berkeperluan khas (Maliki & Yasin, 2017). Bahan bantu mengajar multisensori '*Happy Learning*' berjaya menyediakan landasan pembelajaran yang boleh diakses oleh semua murid,

tanpa mengira keupayaan mereka, seterusnya menyumbang ke arah pendidikan inklusif yang lebih bermakna.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan keberkesanan kit '*Happy Learning*' yang berasaskan pendekatan multisensori dalam mengatasi masalah kekeliruan huruf 'b' dan 'd' dalam kalangan murid prasekolah dan murid berkeperluan khas. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam ketepatan mengecam dan menulis kedua-dua huruf selepas intervensi. Pendekatan yang merangsang pelbagai deria (penglihatan, pendengaran, sentuhan, dan pergerakan) ini berjaya mengukuhkan ingatan dan pemahaman murid. Selain itu, ia turut meningkatkan motivasi, keyakinan dan tumpuan murid. Maklum balas guru mengesahkan bahawa bahan ini praktikal, mesra pengguna, dan berkesan untuk kedua-dua murid tipikal dan murid pemulihan dan berkeperluan pendidikan khas. Sifatnya yang inklusif dan berpusatkan murid, menjadikan proses pembelajaran literasi awal lebih menyeronokkan dan bermakna.

Penghargaan

Penghargaan kepada geran GG-2024-047 dan dana daripada Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, UKM khususnya dalam membiayai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Adhe, K. R., Suprpto, N., & Ling, L. Y. (2024). Difficulty of Visual Recognition: Identifying the Direction Confusion of Reading Letters in Young Children. *International Journal of Education in Mathematics, Science and Technology*, 12(2), 334-344.
- Almahrag, K. M. (2021). Using the multisensory approach to teach students with dyslexia. *Journal of Literature, Languages and Linguistics*, 81, 42-48.
- Bakar, K. A., & Samsudin, M. A. (2021). Teaching young children early mathematics through music and movement. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 20(5), 271-281.
- Baines, L. (2008). *A Teacher's guide to multisensory learning: Improving literacy by engaging the senses*. ASCD.
- Charles, L., & Ying-Leh, L. (2020). The importance of teaching aids in the classroom: A review. *Journal of Education and Learning*, 14(1), 23-35.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative research and design: Choosing among five traditions* (pp. 46). Thousand Oaks, CA: Sage. <https://doi.org/10.4148/2470-6353.1252>
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). Penerbit UM.
- Fischer, J. P., & Luxembourger, C. (2022). Typical 6-year-old children's confusion between "b" and "d" in reading cannot be assimilated to reversal. *Reading and Writing*, 35(10), 2433-2451.
- Hadžimehmedagić, M., & Akbarov, A. (2014). Traditional vs modern teaching methods. Advantages and disadvantages. *Multicultural language education: From research into practice*, 129.
- Jones, C. D., Clark, S. K., & Reutzel, D. R. (2013). Enhancing alphabet knowledge instruction: Research implications and practical strategies for early childhood educators. *Early Childhood Education Journal*, 41(2), 81-89.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.

- Komalasari, D., Sukartiningsih, W., Hendratno, H., Suryanti, S., & Adi, A. S. (2025). Teaching Phonics through Video: Connecting Letter Sounds and Sign Language for Kinesthetic Children. *International Journal of Language Education*, 9(2), 313-330.
- Maliki, N. S. B. M., & Yasin, M. H. M. (2017). Application of multisensory in learning alphabets identification skills for special education students. *Journal of ICSAR*, 1(2), 150-154.
- Manaf, R., & Bakar, K. A. (2022). The use of letter cards in the learning and facilitation of reading skills for preschool children: Penggunaan kad huruf dalam pembelajaran dan pemudahcaraan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 76-82.
- Nordin, M. N., Ismail, S. Z., Yusuf, R., Abu Bakar, Z. A., & Abbas, M. S. (2024). A Review of Multisensory Theory on The Learning of Students with Special Education Needs with Visual Impairment. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(3), 103-109.
- Ngong, A. A. (2019). Effectiveness of multisensory learning approach in teaching reading to pupils with dyslexia in ordinary primary schools in Bamenda III Sub Division, Mezam Division, of The North West Region of Cameroon. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*, 3(5), 915-924.
- Novita, C. C. (2021). Multisensory's Approach to Stimulate Child Early Literacy Ability. *JOYCED: Journal of Early Childhood Education*, 1(1), 1-7.
- Obaid, M. A. S. (2013). The impact of using multi-sensory approach for teaching students with learning disabilities. *Journal of International Education Research*, 9(1), 75.
- Piaget, J. (1952). *The origins of intelligence in children*. International Universities Press.
- Raja, F. U. (2018). Comparing traditional teaching method and experiential teaching method using experimental research. *Journal of Education and Educational Development*, 5(2), 276-288.
- Rasid, A. (2021). Isu dan cabaran literasi awal kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 10(2), 45-58.
- Richmond, J. E., & Taylor, M. (2014). Visual recognition difficulties: Identifying primary school learners' directional confusion in writing letters and numbers. *South African Journal of Occupational Therapy*, 44(3), 2-6.
- Rosner, J., & Rosner, J. (1990). *Helping children overcome learning difficulties*. Walker and Company.
- Rostan, N. N. A., Ismail, H., & Jaafar, A. N. M. (2021). The practice of multisensory technique towards reading skills of open syllables by preschoolers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 55-65.
- Scanlon, D. M., & Vellutino, F. R. (2021). A comparison of the instructional backgrounds and cognitive profiles of poor, average, and good readers who were initially identified as at risk for reading failure. In *Components of effective reading intervention* (pp. 191-215). Routledge.
- Shaywitz, B. A., & Shaywitz, S. E. (2020). The American experience: Towards a 21st century definition of dyslexia. *Oxford Review of Education*, 46(4), 454-471.
- Shanahan, T., & Lonigan, C. J. (2010). The National Early Literacy Panel: A summary of the process and the report. *Educational researcher*, 39(4), 279-285.
- Schlesinger, N. W., & Gray, S. (2017). The impact of multisensory instruction on learning letter names and sounds, word reading, and spelling. *Annals of dyslexia*, 67(3), 219-258.

- Snow, C. E., Burns, M. S., & Griffin, P. (1998). *Preventing reading difficulties in young children*. National Academy Press.
- Susanto, H. (2016). Membangun Budaya Literasi Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Menghadapi Era MEA. JP-BSI (Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia), 1(1), 12.
- Treiman, R., & Kessler, B. (2011). Similarities among the shapes of writing and their effects on learning. *Written Language & Literacy*, 14(1), 39-57.
- Veronen, J. (2021). The Effects of Multi-Sensory Structured Literacy Instruction on Promoting Word Recognition in Elementary Schools.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th Ed.). Thousand Oaks, CA: Sage. <https://doi.org/10.33524/cjar.v14i1.73>
- Zajda, J. (2021). Constructivist learning theory and creating effective learning environments. In *Globalisation and education reforms: Creating effective learning environments* (pp. 35-50). Cham: Springer International Publishing.